

Mekanisma pelaksanaan subsidi petrol bersasar diumumkan dua minggu lagi

Yulpisman Asli
20 Ogos 2019 2:59 PM



PUTRAJAYA 20 Ogos - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengumumkan mekanisma pelaksanaan subsidi petrol bersasar dalam tempoh dua minggu lagi.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kajian mengenainya kini dipenghujung, namun pihak beliau hendak memperhalusi beberapa perkara lagi.

"Kalau semua berjalan ikut jadual, apa-apa pengumuman tentangnya saya buat dalam dua minggu terdekat, itu pun tertakluk kepada apa-apa keputusan dan nasihat Jemaah Menteri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas menyaksikan dua majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi perkongsian kepakaran dan latihan amali dalam bidang persaingan.

Satu lagi MoU antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Prestomall bagi kerjasama memperkasa e-dagang.

Dalam pada itu, Saifuddin Nasution berkata, pihak kementerian akan melihat modul yang digunakan di Taiwan dan Turki dalam memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi pada harga terkawal.

Beliau berkata, Taiwan walaupun kerap dilanda taufan, namun pihak berkuasa di negara itu dapat memastikan bekalan barangan makanan sentiasa mencukupi.

"Taufan boleh menyebabkan bekalan terjejas, tetapi jarang kita baca bekalan makanan terputus. Tentu ada kaedah tersendiri memudahkan Taiwan tentukan bekalan," katanya.

Di Turki pula katanya, kerajaan negara itu telah melaksanakan dasar campur tangan membabitkan pihak berkuasa tempatan dalam mengawal kenaikan harga barangan.

Menurut beliau, campur tangan kerajaan dalam mengawal harga barang turut berlaku di Malaysia antaranya membabitkan petrol, minyak masak, gula, gas memasak dan kawalan harga pada musim perayaan.

"Ada kemungkinan kita mempelajari lebih dekat kaedah di dua negara ini dalam kerangka mencari formula terbaik untuk meredakan kos sara hidup," katanya. - UTUSAN ONLINE

